

Headline	Luruan gelombang keempat MTL beralih ke selatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	403 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 25,632		



Agensi terlibat, penduduk di selatan diminta siap siaga dan patuhi SOP

#### CAMERON HIGHLANDS

Agensi terlibat termasuk penduduk di selatan tanah air diminta berjaga-jaga dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi gelombang keempat Monsun Timur Laut (MTL) yang kini beralih ke kawasan selatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, agensi dan jawatankuasa negeri perlu bersiap siaga bagi mengambil tindakan segera menghadapi bencana dibawa oleh MTL termasuk bencana banjir.

"Luruan gelombang keempat MTL telah beralih ke selatan dan saya harap tindakan segera mengikut SOP yang telah ditentukan oleh Nadma (Agensi Pengurusan Bencana Negara) serta APM (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia) dan lain-lain agensi dapat diikuti oleh semua jawatankuasa serta agensi yang

terlibat," katanya di sini pada Sabtu.

Sementara itu katanya, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan memendekkan tempoh perolehan bagi memperbaiki cerun di penempatan di Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata dekat sini yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh pada 12 Oktober tahun lalu.

Ahmad Zahid berkata, perkara itu bagi mempercepatkan tempoh pembaikan cerun tersebut yang dijangka mengambil masa dua tahun melibatkan peruntukan RM3 juta.

"Oleh kerana tempoh untuk reka bentuk dan juga tempoh perolehan serta penyiapan itu terlalu panjang, kami akan melakukan tindakan bagi memperoleh kelulusan khas bagi memendekkan tempoh perolehan dengan kaedah-kaedah yang diluluskan Kementerian Ke-



FOTO: BERNAMA

Ahmad Zahid menyantuni masyarakat Orang Asli di pusat pemindahan sementara di Dewan KOA Sungai Ruil pada Sabtu.

wangan," katanya selepas melawat tapak bencana tanah runtuh tersebut di sini pada Sabtu.

Sebelum itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara melawat pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Kampung

Orang Asli (KOA) Sungai Ruil yang menempatkan 88 mangsa daripada 17 keluarga terjejas akibat tanah runtuh, 12 Oktober tahun lalu.

Dalam kejadian itu, cerun di penempatan Orang Asli Sungai Ruil terjejas akibat runtuh menyebabkan enam buah rumah dan beberapa kenderaan penduduk

rosak.

Ahmad Zahid berkata, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan menanggung sepenuhnya pembayaran sewa kuarters pemindahan sementara di Dewan KOA Sungai Ruil pada Sabtu ini. -Bernama

# Luruan gelombang keempat MTL beralih ke selatan